

Kakitangan UMSKAL hadiri majlis ilmu

UB 14.1.2014 A5

LABUAN: Bahagian Hal Ehwal Islam dan Masjid Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mengadakan program Santapan Rohani Siri 1/2014 sempena sambutan Maulidur Rasul 2014 di bilik kuliah, Podium C Bangunan Menara universiti itu, kelmarin.

Ceramah yang bertajuk 'Nabi Muhammad SAW Sebagai Idola Umat Islam' disampaikan oleh Eksekutif Kanan Pusat Pungutan

Zakat Labuan Ustaz Ahmad Sharizal Mohd Saffian.

Beliau berkata, umat Islam yang menghadiri majlis ilmu akan dapat menenangkan jiwa dan hatinya.

Oleh itu, beliau menasihatkan umat Islam supaya sentiasa meluangkan masa untuk mendengar majlis ilmu termasuk ceramah agama terutama yang membabitkan hari kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul.

Ustaz Sharizal juga mengingatkan kakitangan UMSKAL yang beragama Islam supaya dapat meluangkan masa menziarahi makam Nabi Muhamad SAW.

"Kita juga diingatkan agar sentiasa berselawat ke atas Nabi Muhamad SAW di mana jua berada," katanya.

Turut hadir Ketua Bahagian, Bahagian Hal Ehwal Islam dan Masjid UMSKAL Ustaz Junaidi Kefli.



AHMAD Sharizal (empat kanan) menerima cenderamata daripada Junaidi selepas menyampaikan ceramah agama di UMS Labuan.